



PETIKAN AKHBAR

Malaysia akan semak semula menurun unjuran pertumbuhan KDNK 2021 – Tengku Zafrul

PETIKAN AKHBAR | 29 JUN 2021

Membenarkan ahli untuk membuat pengeluaran daripada Akaun 2 diikuti dengan Akaun tertakluk kepada kelayakan maksimum dan baki simpanan
1. Testi menggunakan sepenuhnya Akaun 2, sebelum mengeluarkan simpanan di Akaun 1

AHLI LAYAK	JUMLAH YANG DIBENARKAN
 12.4 juta daripada 12.6 juta ahli berumur <55 (98% layak)	RM5,000 dikeluarkan dalam tempoh 5 bulan (RM1,000 ditetapkan setiap bulan) Jumlah kelayakan ditentukan berdasarkan BAKI SEMASA PERMOHONAN DAN KELULUSAN

Diunjurkan ... melibatkan nilai pengeluaran RM 30 bilion

BERNAMA

PUTRAJAYA, 29 Jun – Unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi 2021 akan disemak semula menurun, mengambil kira impak daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh, kata Menteri Kewangan Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz.

"Unjuran baharu itu dijangka diumumkan pada pertengahan Ogos, bersama dengan angka defisit" katanya pada satu sidang akhbar di sini, hari ini.

Sebelum ini, kerajaan mengunjurkan pertumbuhan KDNK 2021 negara berada dalam jajaran antara 6.0 peratus dan 7.5 peratus.

"Kami kini sedang mengkaji impak PKP ketika ini di bawah Fasa 1, 2, 3 dan 4 Pelan Pemulihan Negara.

"Fasa 4 mungkin mempunyai impak yang sedikit ke atas KDNK susulan pengenalan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)," katanya.

Tengku Zafrul berkata kerajaan yakin pelaksanaan PEMULIH, yang diumumkan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam boleh meningkatkan KDNK sebanyak dua peratus.

Mengenai suntikan fiskal langsung sebanyak RM10 bilion di bawah PEMULIH, beliau berkata dana itu diperoleh daripada peningkatan hasil kerajaan, sebahagiannya daripada dividen tinggi daripada badan berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan, pengoptimuman perbelanjaan dan peningkatan pinjaman.

Bernama

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

TENGKU ZAFRUL

BAJET 2022

COVID-19

LAPORAN LAKSANA

TMK I

KELUARGA MALAYSIA

PENJANA

PRIHATIN

PRICE OF PETROLEUM

HARGA MINYAK

BUDGET 2022